



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X


Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Investment Webinar for Youngsters

Penulis: Ahmad Faisal Mahdi

DUNGUN: Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun telah menganjurkan *webinar* mengenai kepentingan ilmu pelaburan kepada warga UiTM dan belia tempatan pada 10 Jun 2023. Program yang berbentuk ceramah atas talian ini berdurasi selama 2 jam dan disertai oleh 100 orang peserta.



Objektif utama program ini ialah untuk meningkatkan kesedaran warga kampus Dungun dan warga setempat mengenai kepentingan celik ilmu kewangan dan mengenali jenis-jenis pelaburan yang kurang berisiko dan menjana pendapatan yang konsisten dalam jangka masa yang pendek atau panjang.

Program berjalan dengan lancar beserta sesi soal jawab yang menarik daripada para peserta menunjukkan bahawa generasi kini amat peka tentang kepentingan pelaburan dan literasi kewangan bukan sahaja untuk menjanakan pendapatan, tetapi juga untuk mengelakkan peserta atau masyarakat ditipu oleh *scammer*.

Isu-isu literasi kewangan serta kemahiran dalam pelaburan ini pernah dipopularkan oleh warganet baru-baru ini dengan menyentuh bahawa pihak universiti harus mengajar semua isu-isu ini kepada penuntut universiti. Pernyataan ini sememangnya berasas memandangkan terdapatnya pengajaran kursus seumpamanya oleh pihak UiTM, cuma tidak kepada semua fakulti di bawah insituti keramat ini. Ilmu kewangan tidak dinafikan merupakan satu kemahiran yang sangat penting dan relevan sepanjang masa untuk dilengkapi kepada graduan UiTM pada masa hadapan untuk mengelakkan mereka terjebak dalam lembah hutang dan ditipu oleh penjenayah siber.

